

Kajian pulau oleh UMS bantu tingkat keselamatan

DE 2.10.2014 7

Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Sebuah pusat kajian yang baru ditubuhkan di Universiti Malaysia dijangka akan memainkan peranan dalam mengutip data, dokumentasi dan maklumat bertulis dan visual terhadap populasi pulau, khususnya pendatang-pendatang asing di negeri ini.

"Ini akan membolehkan kerajaan mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut di samping menawarkan mereka kad-kad pengenalan khas," kata Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Pang Yuk Ming.

Beliau menambah, ia akan menjadi kunci utama bagi pasukan keselamatan apabila mencari suspek di sebalik pencerobohan dan insiden-insiden penculikan.

Dijangka Pusat Kajian Pulau-Pulau Kecil (SIRC) akan berkeupayaan untuk membantu dalam pembangunan negeri terutamanya daripada segi keselamatan.

"Universiti tersebut menerusi kajian mereka dalam menentusahkan bancian populasi pulau berkenaan tentu sekali membantu untuk mengukuhkan keselamatan di seluruh perairan Malaysia," kata Pang.

"Cadangan saya ialah agar universiti itu boleh memastikan mana satu rakyat asal dan pendatang tanpa izin (PTI) dalam kalangan rakyat di pulau berkenaan," katanya.

Pang percaya terdapat golongan

komuniti yang sudah tinggal di pulau itu bertahun-tahun dan tidak terdedah kepada sebarang pembangunan, justeru, sebarang bentuk dokumen pengenalan sah tidak begitu penting bagi mereka.

"Apa yang mereka lakukan hanyalah untuk fokus mencari nafkah," katanya sambil menambah kebanyakan mereka tidak mempunyai sebarang kewarganegaraan.

Menurut beliau, data yang dikutip oleh pusat itu juga akan digunakan sebagai rujukan kepada kerajaan dalam membangunkan pulau itu serta menambah baik taraf kehidupan rakyat di sana.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti atas sumbangan mereka kepada pembangunan negeri dan negara kita.

"Saya percaya keselamatan di pesisir pantai timur Sabah akan bertambah baik dengan sokongan daripada universiti itu dan kerajaan Persekutuan. Kita belum sampai di sana lagi tetapi saya percaya kita dalam perjalanan ke arah persekitaran yang lebih baik dan selamat," katanya.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, mereka akan bekerjasama dengan pihak-pihak lain seperti Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) dan Jabatan Imigresen pada kesemua penyelidikan mereka.

"Kita tidak boleh bekerja bersendirian kerana ia melibatkan

keselamatan penyelidik dan di samping itu, kita juga menyumbang input kepada kerajaan dari segi keselamatan," katanya.

Kajian itu juga mungkin akan membantu kerajaan dalam menjadikan pulau-pulau di Sabah itu berpotensi sebagai destinasi pelancongan, katanya.

Sabah, menurut beliau mempunyai pulau paling banyak iaitu 394 dan kerajaan telah berupaya mengenal pasti kesemua pulau berkenaan, bagaimanapun, tidak banyak kajian dibuat ke atas pulau-pulau itu.

"Tetapi pusat itu, saya percaya memainkan peranan sebagai landasan kepada semua penyelidik untuk menganalisa maklumat dan idea mereka di samping hubungan yang berterusan dengan kerajaan negeri dan persekutuan berhubung soal pembangunan," katanya.

Beliau kemudiannya menerangkan bahawa kajian itu akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu Pulau-pulau Kecil dan Pulau-pulau Paling Kecil dengan memfokuskan kepada Kluster Saintifik dan Kluster Bukan Saintifik.

"Kluster Saintifik akan memfokuskan pada Geologi, Sains Alam Sekitar, Teknologi Bio, Pemuliharaan Biologi, Kesihatan, Sains Marin dan lain-lain di mana Kluster Bukan Saintifik akan memfokuskan kepada sejarah, geografi fizikal, ekonomi, arkeologi, keselamatan, migrasi, pendatang tanpa izin dan lain-lain," katanya.